



Dewan  
TAMADUN ISLAM

Februari 0216  
ISSN 2289-2893  
<http://www.dti.dbp.my>

# Ti

SIASAH • SAHSIAH



# Hudud

## Hikmah di Sebalik Kegusaran

FEBRUARI	2016
Semenanjung Malaysia	RM6.50
Sabah/Sarawak	RM7.00
Brunei Darussalam	B\$6.50
Singapura	S\$6.50

KK 290-91904 0216  
ISSN 2289-2893



<http://www.dti.dbp.my>

- Menanti Syafaat  
**Nabi Muhammad SAW**
- Tanggungjawab Ummah terhadap  
**Pelarian Muslim**
- Sukuk di Mata  
**Dunia**



## PERSIDANGAN ANTARABANGSA KELIMA BAHASA ARAB DAN KESUSASTERAAN 2015 (ICALL 2015)

**G**OMBAK - Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, KIRKHS, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dengan jayanya telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kelima Bahasa Arab dan Kesusasteraan 2015 (ICALL 2015) 7-9 Disember 2015 bertempat di kampus UIAM, Gombak. Persidangan dwi-tahunan ini telah dianjurkan sejak tahun 2009 oleh pihak jabatan dan merupakan persidangan bahasa Arab dan kesusasteraan yang terkenal di dunia Islam dan Arab walaupun dihoskan oleh sebuah universiti yang bukan terletak di rantau Timur Tengah. Persidangan tiga hari itu disertai oleh 100 orang pembentang yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar dari dunia Islam termasuk 50 peserta Malaysia. Antara topik perbincangan termasuklah pengajian bidang kesusasteraan Arab dalam sejarah Islam, ciri-ciri bahasa Arab, syair dan puisi moden.



*Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan ICALL 2015.*

Para peserta persidangan daripada luar Malaysia datangnya dari hampir 15 buah negara luar Malaysia seperti Arab Saudi, Jordan, Syria, Turki, Algeria, Mesir, Sudan, Nigeria, Thailand, Bangladesh, Indonesia, Brunei dan lain-lain. Persidangan tersebut telah

dirasmikan oleh Timbalan Rektor Akademik dan Perancangan UIAM, Prof. Dr. Torla Hj. Hassan, manakala sesi ucap-tama disampaikan oleh Datuk Dr. Ismail Ibrahim, Profesor di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan bekas pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis penutup



*Antara peserta ICALL 2015 bergambar selepas salah satu sesi pembentangan.*

pula dilakukan oleh Timbalan Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang merupakan alumni pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Rektor UIAM, Prof Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin dan Dekan KIRKHS, Prof. Dr. Ibrahim Mohamed Zein.

Datuk Seri Reezal Merican turut menggesa pakar linguistik dan cendekiawan dalam dunia kesusasteraan Arab untuk memainkan peranan penting dalam membetulkan salah tanggapan tentang Islam melalui bahasa Arab yang dikuasai mereka. Beliau juga mencadangkan agar tokoh akademik dan cendekiawan dari dunia Islam supaya meningkatkan pengajian dan penyelidikan mengenai kesusasteraan dan bahasa Arab bagi terus menyebarkan konsep dan kekuatan wasatiyyah (kesederhanaan) yang terbukti dapat menyelesaikan konflik dunia.

Dalam persidangan tersebut, para pembentang dan ahli akademik dapat bertukar-tukar fikiran dan saling berbincang selepas sesi pembentangan. Peluang ini di manfaatkan untuk lebih mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat di samping mewujudkan jaringan akademik sesama mereka. Selepas majlis penutup, para peserta dibawa melawat kawasan di sekitar Putrajaya bagi memperkenalkan Malaysia dengan lebih dekat. *TR*



Ucapan Majlis Penutup ICALL 2015 oleh Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican



Doa penutup dibaca oleh Prof Madya Dr. Adli Hj. Yaacob.

